

Nama : _____ Tarikh : _____

KATA GANDA BERIMBUHAN

Pilih kata ganda berimbuhan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

1. Kita hendaklah sentiasa _____ Ketika memandu di jalan raya.
 - A. Berhati-hati
 - B. Berlumba-lumba
 - C. Berlambat-lambat
 - D. Teringat-ingat
2. Pada cuti semester yang lepas, saya berkesempatan _____ di Pulau Langkawi.
 - A. Melancong-lancong
 - B. Berlari-lari
 - C. Berjalan-jalan
 - D. Bersiar-siar
3. Dia berada di rumahnya _____ tanpa pergi ke mana-mana.
 - A. Sehari-hari
 - B. Selama-lama
 - C. Seelok-eloknya
 - D. Sepuas-puasnya
4. _____ aya merestui juga perkhawanan kakak dengan pemuda Inggeris itu.
 - A. Awal-awal
 - B. Akhir-akhir
 - C. Lama-kelamaan
 - D. Habis-habisan
5. Sikap _____ merupakan amalan hidup masyarakat kita terutamanya di kampung-kampung.
 - A. Berlepak-lepak
 - B. Tandang-bertandang
 - C. Tolong-menolong
 - D. Bertegur-sapa

6. Hidup berjiran mestilah _____ setiap masa.
- A. Bantu-membantu
 - B. Berjalan-jalan
 - C. Bertandang-tandang
 - D. Tertanya-tanya
7. Hakimi memulakan perniagaan secara _____ di pekan.
- A. Besar-besaran
 - B. Kecil-kecilan
 - C. Mati-matian
 - D. Habis-habisan
8. Semalam hujan turun dengan lebatnya dan kilat pula _____.
- A. Sambung-menyambung
 - B. Terus- menerus
 - C. Pancar-memancar
 - D. Sabung-menyabung
9. Sehingga ke hari ini, saya masih _____ punca sebenar tragedy itu berlaku.
- A. Tersoal-soal
 - B. Tertanya-tanya
 - C. Terjawab-jawab
 - D. Teragak-agak
10. Adik menangis _____ kerana duitnya hilang semasa bermain.
- A. Tersedu-sedan
 - B. Terkedu-kedu
 - C. Teresak-esak
 - D. Raung-raungan